

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 OKTOBER 2017 (SABTU)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|----------------------------------------------------------|-----------------|
| 1. | NICE 2017 lonjak inovasi | Utusan Malaysia |
| 2. | Ekspo NICE2017 tampilan Malaysia Menjelang 2050 | BERNAMA |
| 3. | NICE 2017 Expo to showcase Malaysia 2050 | BERNAMA |
| 4. | Forum Pemula Niaga KL'17 himpukan 500 usahawan teknologi | KOSMO |
| 5. | Ekspo NICE2017 tampilan Malaysia Menjelang 2050 | KOSMO |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 7 OKTOBER 2017 (SABTU)

Ekspo terbesar sasar 500,000 pengunjung bermula 12-16 Oktober

NICE 2017 lonjak inovasi

Oleh SOFIAN BAHAROM
sofian.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 6 OKT.

EKspo sains, teknologi dan inovasi terbesar, Ekspo Inovasi dan Ekonomi Kreatif Kebangsaan (NICE) 2017 yang akan diadakan pada 12 hingga 16 Oktober ini disasarkan dapat menarik sebanyak 500,000 pengunjung.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, ekspo yang julung kali diadakan itu bakal menjadi jenama yang mengetengahkan pelbagai hasil dan usaha untuk menggalakkan pembangunan dan kemajuan sains, teknologi dan inovasi negara.

Jelas beliau, penganjuran ekspo tersebut juga adalah bagi membudayakan inovasi dan kreativiti selaras dengan hasrat merealisasikan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) iaitu menjadikan Malaysia sebagai negara maju berteraskan inovasi.

"Langkah penganjuran ekspo ini adalah untuk mengarusperdalamkan sains, teknologi dan inovasi dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia.

"Ini termasuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sekali gus mempertingkatkan minat



Antara tarikan NICE 2017 kepada generasi muda adalah teknologi-teknologi terkini yang akan diketengahkan pada ekspo ini selain pameran hasil teknologi ciptaan rakyat tempatan."

WILFRED MADIUS TANGAU
Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi



mereka terhadap pelajaran sains dan teknologi," katanya dalam sidang akhbar berhubung ekspo berkenaan di sini hari ini.

NICE 2017 yang bertemakan *Negaraku Berinovasi* akan diadakan di tiga lokasi di ibu negara

iaitu Technology Park Malaysia, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara.

Pelancaran NICE 17 akan disemprunkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Sementara itu Wilfred berkata, antara program yang dijalankan dalam ekspo berkenaan adalah pertandingan, pendidikan hiburan selain 300 gerai bercirikan sains, teknologi dan inovasi.

Kata beliau, program-program itu dijalankan dengan menumpukan kepada lima kluster iaitu

teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pendidikan hiburan, kesejahteraan serta pengkayaan maklumat.

"Antara tarikan NICE 2017 kepada generasi muda adalah teknologi-teknologi terkini yang akan diketengahkan pada ekspo ini-selain pameran hasil teknologi ciptaan rakyat tempatan," katanya.

Dalam pada itu Wilfred berkata, kementerian mengharapkan peruntukan lebih besar dalam Bajet 2018 untuk pembentangan penyelidikan.



NICE 2017 lonjak inovasi

Ekspo terbesar sasar 500,000 pengunjung bermula 12-16 Oktober



Wilfred Madius Tangau

PUTRAJAYA 6 Okt. - Ekspo sains, teknologi dan inovasi terbesar, **Ekspo Inovasi dan Ekonomi Kreatif Kebangsaan (NICE) 2017** yang akan diadakan pada 12 hingga 16 Oktober ini disasarkan dapat menarik sebanyak 500,000 pengunjung.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, ekspo yang julung kali diadakan itu bakal menjadi jenama yang mengetengahkan pelbagai hasil dan usaha untuk menggalakkan pembangunan dan kemajuan sains, teknologi dan inovasi negara.

Jelas beliau, penganjuran ekspo tersebut juga adalah bagi membudayakan inovasi dan kreativiti selaras dengan hasrat merealisasikan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) iaitu menjadikan Malaysia sebagai negara maju berteraskan inovasi.

"Langkah penganjuran ekspo ini adalah untuk mengarusperdanakan sains, teknologi dan inovasi dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia."

"Ini termasuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sekali gus mempertingkatkan minat mereka terhadap pelajaran sains dan teknologi," katanya dalam sidang akhbar berhubung ekspo berkenaan di sini hari ini.

NICE 2017 yang bertemakan Negaraku Berinovasi akan diadakan di tiga lokasi di ibu negara iaitu Technology Park Malaysia, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara.

Pelancaran NICE 17 akan disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Sementara itu Wilfred berkata, antara program yang dijalankan dalam ekspo berkenaan adalah pertandingan, pendidikan hiburan selain 300 gerai bercirikan sains, teknologi dan inovasi.

Kata beliau, program-program itu dijalankan dengan menumpukan kepada lima kluster iaitu teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pendidikan hiburan, kesejahteraan serta pengkayaan maklumat.

"Antara tarikan NICE 2017 kepada generasi muda adalah teknologi-teknologi terkini yang akan diketengahkan pada ekspo ini selain pameran hasil teknologi ciptaan rakyat tempatan," katanya.

Dalam pada itu Wilfred berkata, kementerian mengharapkan peruntukan lebih besar dalam Bajet 2018 untuk pembiayaan penyelidikan.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 OKTOBER 2017 (SABTU)



Ekspo NICE 2017 Tampilkan Malaysia Menjelang 2050

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- **Ekspo Ekonomi Kreatif dan Inovasi Kebangsaan 2017 (NICE 2017)**, sebuah pameran sains, teknologi dan inovasi terbesar di Malaysia akan berlangsung dari 12 hingga 16 Okt di Taman Teknologi Malaysia, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara di sini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau berkata NICE 2017 adalah platform untuk mencapai aspirasi negara ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju yang digerakkan melalui inovasi menjelang 2050.

"NICE 2017 juga bertujuan untuk mempromosi inovasi serta ekonomi kreatif, dan untuk meningkatkan keseluruhan daya saing Malaysia dalam bidang sains, teknologi dan inovasi agar kekal relevan bagi menghadapi cabaran sosioekonomi," katanya dalam kenyataan di sini, malam ini.

Tangau berkata semua rakyat Malaysia, pemimpin industri serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) disarankan mengambil peluang mengunjungi NICE 2017, dan melihat sendiri keupayaan masa depan di negara ini.

Antara program menarik sepanjang ekspo berkenaan adalah Pameran Fiksyen Sains KL, Kediaman Pintar dan Perkampungan Animasi, katanya.

NICE 2017 dibuka dari 10 pagi hingga 10 malam setiap hari, dan masuk adalah percuma.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 OKTOBER 2017 (SABTU)



NICE 2017 Expo To Showcase Malaysia 2050

KUALA LUMPUR, Oct 6 (Bernama) -- **The National Innovation and Creative Economy 2017 Expo (NICE 2017)**, billed as the largest showcase of science, technology and innovation in Malaysia will be held from Oct 12 till Oct 16 at Technology Park Malaysia, the National Science Centre and the Planetarium here.

Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Wilfred Madius Tangau described NICE 2017 as a platform to achieve the country's aspiration towards becoming a high income and developed nation driven by innovation by the year 2050.

"NICE 2017 is also aimed at promoting innovation and creative economics, and to enhance Malaysia's overall Science, Technology and Innovation competitiveness in order to remain relevant in the face of socio-economic challenges," he said in a statement here, tonight.

Tangau said all Malaysians, industry leaders and small and medium enterprises (SME) were encouraged to visit NICE 2017 and experience firsthand the possible future of the country.

Signature programmes that will conducted over the five days include the Journey to Malaysia 2050 pavilion, KL Science Fiction exhibition, Smart Home, Microsoft Future Jobs, Animation Village, National Information and Communications Technology Security Discourse, Drone Racing, Drone Racing GP, a showcase by Petrosains and a Fun Run for Science.

NICE 2017 will be open from 10am till 10pm daily and is free to members of the public.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
KOSMO.COM.MY
TARIKH: 7 OKTOBER 2017 (SABTU)



Forum Pemula Niaga KL'17 himpulkan 500 usahawan teknologi



KUALA LUMPUR - Forum Pemula Niaga KL'17 yang akan dianjurkan oleh **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** dijangka menghimpunkan 500 usahawan teknologi dan usahawan yang berperanan penting dalam seluruh landskap perniagaan. Pengarah Bahagian Penerokaan Teknologi MTDC, Mohammad Hazani Hassan berkata setakat ini 200 usahawan teknologi dan usahawan mendaftar untuk menyertai forum itu yang akan diadakan di Pusat Teknologi Universiti Putra Malaysia-MTDC di Serdang, Selangor pada 14 Oktober ini.

Beliau berkata, forum itu bertujuan menggalakkan penggunaan teknologi oleh syarikat pemula niaga menerusi program inkubasi, kemudahan keusahawanan dan pembiayaan.

Forum itu diadakan sempena Expo Ekonomi Inovasi dan Kreatif Kebangsaan 2017, seiring dengan usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mempertingkatkan sektor teknologi, katanya kepada Bernama.

Mohammad Hazani berkata, mengikut Rancangan Malaysia Kesebelas, MTDC menerima peruntukan RM925 juta daripada kerajaan untuk disalurkan melalui enam dananya bagi membantu firma tempatan menambah baik kandungan teknologi, kapasiti, keupayaan dan daya saing mereka.

Beliau berkata, setakat ini RM240 juta telah diberikan, manakala baki RM230 juta telah diluluskan untuk 14 sektor utama termasuk teknologi hijau, elektronik dan elektrik serta bioteknologi.

Semasa expo itu berlangsung, 12 syarikat yang dibimbing MTDC akan mempamerkan produk mereka, katanya. - Bernama



Ekspo NICE 2017 tampilkan Malaysia menjelang 2050



KUALA LUMPUR - **Ekspo Ekonomi Kreatif dan Inovasi Kebangsaan 2017 (NICE 2017)**, sebuah pameran sains, teknologi dan inovasi terbesar di Malaysia akan berlangsung dari 12 hingga 16 Okt di Taman Teknologi Malaysia, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara di sini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau berkata NICE 2017 adalah platform untuk mencapai aspirasi negara ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju yang digerakkan melalui inovasi menjelang 2050.

"NICE 2017 juga bertujuan untuk mempromosi inovasi serta ekonomi kreatif, dan untuk meningkatkan keseluruhan daya saing Malaysia dalam bidang sains, teknologi dan inovasi agar kekal relevan bagi menghadapi cabaran sosioekonomi," katanya dalam kenyataan di sini, malam ini.

Tangau berkata semua rakyat Malaysia, pemimpin industri serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) disarankan mengambil peluang mengunjungi NICE 2017, dan melihat sendiri keupayaan masa depan di negara ini.

Antara program menarik sepanjang ekspo berkenaan adalah Pameran Fiksyen Sains KL, Kediaman Pintar dan Perkampungan Animasi, katanya.

NICE 2017 dibuka dari 10 pagi hingga 10 malam setiap hari, dan masuk adalah percuma. - Bernama